



# **MAJLIS PERASMIAN SEMINAR PMPK DAN PELANCARAN TAHUN PRODUKTIVITI 2008**

## **UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERTAMBAH HORMAT SENATOR TAN SRI DATO' SERI MUHAMMAD BIN MUHAMMAD  
TAIB, MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

DI GLORY BEACH RESORT, PORT DICKSON  
30 OGOS 2008  
11.00 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat bin Hasan  
Ketua Pengarah RISDA

Yang Berbahagia Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Yang Berbahagia Tn. Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat)

Pengarah-Pengarah Bahagian

Pengurus-Pengurus Besar Anak Syarikat

Pengarah-Pengarah RISDA Negeri

Pemaju – Pemaju Masyarakat Pekebun Kecil serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di sini bagi Majlis Perasmian Seminar Pemaju Masyarakat Pekebun Kecil (PMPK) dan Pelancaran Tahun Produktiviti 2008. Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan ribuan terima kepada Pengurusan

3

RISDA atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan Majlis ini. Saya juga mengalu-alukan kedatangan semua Pemaju Masyarakat Pekebun Kecil serta pekebun kecil dan saya berharap Tuan-tuan dan Puan-puan dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT dalam usaha kita untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kita.

## **2.0 FALSAFAH DAN STRATEGI BARU PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

- Dua daripada tujuh inisiatif teras halatuju KKLW di bawah Falasafah dan Strategi baru Pembangunan Luar Bandar

4

dalam RMK9 adalah (i) membangunkan manusia cemerlang dan (ii) membangunkan keluarga sejahtera.

- **Membangunkan manusia cemerlang** bermakna menambah keupayaan berfikir seseorang itu supaya memiliki minda kelas pertama. Usaha ini mesti disokong dengan pendekatan:

i) membina prasarana asas seperti jalanraya yang baik, bekalan elektrik dan bekalan air untuk kemudahan penduduk kampung termasuk memudahkan anak-anak belajar atau ke sekolah. (RM5.89 bilion disediakan bawah RMK9)

5

ii) bagi keluarga miskin yang tiada rumah sempurna, perlu dibina rumah yang selesa atau dibaikpulih rumah yang ada. (RM25 juta disediakan dalam tahun 2008)

iii) merapatkan jurang digital. Kampung-kampung akan disediakan kemudahan ICT dan komputer di bawah Medan Infodesa. (RM98 juta disediakan di bawah RMK9)

- **Membangunkan keluarga sejahtera** pula bermakna meningkatkan pendapatan keluarga, membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan serta mempergiatkan pembangunan modal insan. Usaha ini disokong dengan pendekatan:

6

- (i) membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kemiskinan (RM992 juta disediakan di bawah RMK9)
- (ii) mempertingkatkan pembangunan modal insan (RM805 juta disediakan bawah RMK9. Pelaksana utama KEMAS, Gerakan Daya Wawasan dan Institut Kemajuan Desa (INFRA))
- (iii) menambah aktiviti ekonomi dan industry luar bandar (RM229 juta disediakan bawah RMK9)

### **3.0 SENARIO INDUSTRI GETAH MASAKINI**

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyentuh senario industri getah pada masa sekarang iaitu dari segi pengeluaran dan juga harganya supaya Tuan-tuan dan Puan-puan jelas dengan kedudukan industri ini yang menjadi tulang belakang kita semua.

Senario industri getah sekarang berada dalam tahap yang membanggakan dengan kenaikan harga getah dalam pasaran global. **Pengeluaran getah negara adalah 1,199,600 Metrik Tan. Daripada pengeluaran ini, 95 % atau 1,139,620 Metrik Tan**

adalah dikeluarkan oleh sektor pekebun kecil dan 5.0 % atau 59,980 Metrik Tan adalah dari sektor estet. Dari segi keluasan pula, jumlah keluasan getah adalah 1.24 juta hektar di mana pekebun kecil memiliki 95 % ( 1,177,700 hektar) dan estet memiliki 5 % (59,600 hektar). Daripada ini, seluas 965,900 hektar atau 82 % berada di Semenanjung Malaysia, 145,000 hektar atau 12.3 % di Sarawak dan 66,600 hektar atau 5.7 % adalah di Sabah. Pada masa ini, Malaysia merupakan pengeluar getah asli ketiga dunia selepas Thailand dan Indonesia.

#### **4.0 HARGA KOMODITI GETAH SEMASA**

Harga getah asli menunjukkan peningkatan selepas tahun 2002. SMR 20 yang menjadi asas pengiraan harga getah skrap keluaran pekebun kecil telah meningkat. **Purata harga tahunan telah meningkat sebanyak 257.5 % iaitu dari 205.56 sen/kg pada tahun 2002 kepada 734.83 sen/kg pada 2007.** Kenaikan harga ini adalah disebabkan peningkatan permintaan dunia terutama dari negara China dan India yang menunjukkan perkembangan yang pesat dalam industri otomobil. Kenaikan harga minyak mentah walaupun telah menurun sedikit kepada **USD 120.53 setong** pada **22 Ogos 2008**, turut menyumbang kepada kenaikan harga getah

asli. Oleh itu, harga Getah tiruan yang berasaskan minyak mentah akan turut naik. Dengan ini, pembeli di jangka beralih ke getah asli dan menyebabkan permintaan getah asli akan terus meningkat.

**Harga SMR 20 pada 22 Ogos 2008 adalah RM 9.39/kg.** Dengan keadaan pasaran getah yang baik pada masa ini, dijangka harga akan terus bertahan untuk jangka masa panjang sehingga 2015 dan prospek industri getah negara adalah sangat cerah.

## **5.0 SEMINAR PEMAJU MASYARAKAT PEKEBUN KECIL (PMPK)**

Seminar PMPK pada hari ini merupakan satu landasan untuk mempertemukan semua PMPK seluruh Malaysia supaya dapat menimba ilmu dalam pelbagai bidang disamping bertukar-tukar pendapat dan pandangan untuk memajukan masyarakat pekebun kecil. Saya difahamkan sejumlah 5 kertas kerja telah dibentangkan Kerajaan melihat PMPK sebagai pemangkin dan penggerak di peringkat lapangan yang boleh membantu kerajaan khususnya RISDA dalam menjayakan pelaksanaan program pembangunan yang diamanahkan. Secara umumnya, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

menjadi penghubung antara RISDA dengan masyarakat pekebun kecil. Dengan maklumat-maklumat yang di terima semasa Seminar ini, Tuan-Tuan dan Puan-Puan dikehendaki untuk memaklumkan kepada masyarakat pekebun kecil terutama yang berkaitan dengan industri getah dan bagaimana untuk meningkatkan produktiviti kebun mereka supaya dapat meningkatkan pendapatan keluarga.

## **6.0 PENINGKATAN PRODUKTIVITI**

Sektor pekebun kecil menyumbang *95.4 peratus* kepada pengeluaran getah negara. Walaupun mereka adalah penyumbang utama pengeluaran getah negara, mereka masih lagi berhadapan dengan masalah-masalah yang berlarutan seperti saiz kebun yang kecil dan tidak ekonomik, tenaga kerja yang kurang, umur pekebun kecil yang meningkat tua. Dan kesemua ini membawa kepada produktiviti dan pendapatan yang rendah dan menjurus kepada kemiskinan. Pada masa ini pengeluaran hasil kebun getah pekebun kecil amat rendah berbanding dengan hasil sebenar yang boleh dikeluarkan mengikut jenis klon getah. Hasil

keluaran pekebun kecil hanya dalam lingkungan 1,599 kg/hektar setahun. Sedangkan hasil sebenar purata boleh mencapai 5,400 kg/sehektar/setahun.

Analisis Produktiviti Getah menunjukkan Produktiviti Getah Pekebun kecil telah meningkat dari 1,372 kg/hek/tahun pada tahun 2006 ke 1,599 kg/hek/tahun pada tahun 2007 iaitu peningkatan sejumlah 16.5 %. Saya dengan penuh ikhlas mengucapkan ribuan terima kasih di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Tuan-Tuan dan Puan-puan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk meningkatkan pengurusan dan peningkatan produktiviti kebun masih perlu

15

dilaksanakan berterusan secara terancang dan teratur supaya kebun getah dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh 41/2 tahun dan mengeluarkan hasil tidak kurang daripada 2,000 kg/hek/tahun.

## **7.0 PELANCARAN TAHUN PRODUKTIVITI 2008**

Sehubungan dengan ini, RISDA mengisytiharkan tahun 2008 ini sebagai Tahun Produktiviti. Matlamat pengeluaran yang telah ditetapkan adalah 2000 kg sehektar setahun bagi getah dan 20 metrik tan sehektar setahun bagi sawit. Sepanjang tahun ini, pelbagai program mengenai produktiviti telah diatur oleh RISDA.

16



Tuan-Tuan dan Puan-Puan dikehendaki untuk memaklumkan kepada semua pekebun kecil di kawasan jagaan masing-masing mengenai aktiviti-aktiviti yang telah diaturkan oleh pihak RISDA supaya dapat di manfaatkan oleh mereka.

## **8.0 MENABUNG UNTUK BAJA DAN INPUT PERTANIAN LAIN**

Dengan harga getah yang tinggi pada masa ini, Tuan-Tuan dan Puan-Puan adalah digalakkan supaya menabung untuk menampung pembelian input pertanian seperti Baja, Bahan & Peralatan rangsangan, Racun rumpai dan lain-lain. Dengan adanya penabungan ini, Tuan-Tuan dan Puan-Puan boleh

17

mengamalkan teknologi dan amalan pertanian yang baik secara terancang. Amalan pertanian yang baik pula akan meningkatkan produktiviti kebun.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan disyor membuat **penabungan bulanan minimum sejumlah 30 sen sepokok sebulan**. Dengan bilangan 400 pokok sehektar, jumlah penabungan yang boleh dibuat adalah RM120.00 bagi sehektar kebun getah. Jika Tuan-Tuan dan Puan-Puan mempunyai disiplin yang tinggi dalam penabungan, ia pasti akan memberi impak yang sangat baik kepada produktiviti kebun, seterusnya meningkatkan pendapatan Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

18

## **9.0 KEMPEN PENANAMAN SAYUR DI PERKARANGAN RUMAH**

Kenaikan harga minyak baru-baru ini telah menyebabkan harga barangan keperluan harian meningkat. Pekebun kecil merasai kesan ini dan terpaksa membayar harga yang lebih tinggi ke atas barangan keperluan harian. Bagi membantu mengatasi masalah ini, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengadakan kempen untuk menggalakkan masyarakat Luar Bandar menanam sayur di perkarangan rumah untuk keperluan sendiri dan mengurangkan bebanan kos perbelanjaan

19

seharian serta untuk mewujudkan kesedaran pekebun kecil terhadap kepentingan makanan segar yang berkhasiat.

Jenis-jenis sayur yang digalakkan adalah sawi, bayam, kangkung, terung, bendi, cili, kacang panjang, ulam-ulam serta herba seperti kunyit, daun kari, serai, pandan, lengkuas dan kantan.

Khidmat sokongan yang akan disediakan oleh RISDA adalah bekalan benih sayuran terpilih, bekalan baja yang bersesuaian serta mengedarkan risalah penanaman sayuran.

Jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada RISDA adalah RM 1.55 juta untuk kumpulan sasaran seramai 170,000 pekebun kecil.

20

Tuan-Tuan dan Puan-Puan adalah di minta untuk menghebahkan perkara ini kepada semua pekebun kecil di kawasan Tuan.

### **10.0 TAHNIAH KEPADA PEMENANG ANUGERAH**

Saya difahamkan pada hari ini, 3 kategori Anugerah untuk Pekebun kecil akan disampaikan. Kepada pemenang-pemenang Anugerah ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah! Usaha gigih Tuan-Tuan akhirnya telah membuahakan hasil. Semoga Anugerah yang diterima hari ini memberi galakan kepada penerimanya untuk terus berjaya. Dan kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang lain, semoga Tuan-Tuan dan Puan –Puan akan lebih berusaha dan

21

meningkatkan produktiviti dan menjadi penerima Anugerah ini pada tahun hadapan, insyaAllah.

### **11.0 PENUTUP**

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA kerana berjaya menganjurkan satu Majlis yang begitu berfaedah kepada pekebun kecil . Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil diseluruh negara untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan akan terus maju dan meningkatkan

22

pengetahuan dan akan mempraktikkan apa yang diperolehi Seminar ini. Azam dan kerjasama dari semua akan dapat menjayakan aktiviti pembangunan luar bandar dan semoga Tuan-tuan dan puan-puan akan terus cemerlang dalam mengharungi kehidupan yang lebih sejahtera.

23

**Dengan kata-kata ini, saya dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' merasmikan Seminar Pemaju Masyarakat Pekebun Kecil dan juga melancarkan Tahun Produktiviti 2008.**

**Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.**

24